



MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 Jld.2 (22)

TARIKH : 2 Mac 2011

| | |
|---|--------------------|
| PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 6 TAHUN 2011 PERATURAN PENGGUNAAN BUKU LOG LATIHAN KAKITANGAN CIAST | |
| DARIPADA : Pengarah | SAJUAN : |
| KEPADA : Semua kakitangan | Ketua Pengarah JPK |
| MELALUI : TP / Ketua Bahagian / Program | Fail Timbul |

1. TUJUAN

Tujuan arahan ini adalah untuk memaklum dan menyelaraskan pelaksanaan Peraturan Penggunaan Buku Log Latihan Kakitangan CIAST.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Arahan Pengurusan Bil 3 Tahun 2009 berkaitan dengan Prosedur Menghadir Kursus Dalam Perkhidmatan bertarikh 13 November 2009 adalah berkaitan.
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2005 menetapkan supaya anggota perkhidmatan awam hendaklah menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun.
- 2.3 Kursus ini adalah bertujuan untuk menyediakan dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kualiti peribadi anggota perkhidmatan awam dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya.
- 2.4 Bagi tujuan rekod latihan kakitangan yang lebih teratur dan sistematik, Pengurusan CIAST telah memperkenalkan penggunaan Buku Log Latihan Kakitangan CIAST.

